



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **PASAR BESAR GOMBAK BAKAL BERUBAH WAJAH**

**KUALA LUMPUR, 7 November** – Pasar Besar Gombak bakal dibangunkan semula dengan konsep yang lebih moden serta turut menyediakan komponen perumahan mampu milik kepada warga kota. Menurut YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan projek ini merupakan satu lagi inisiatif kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan dalam membantu para peniaga sedia ada dipasar tersebut dengan pembinaan semua pasar yang telah berusia 32 tahun. Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Pembangunan Semula Pasar Besar Gombak pada hari ini.

2. Pembangunan semula ini akan melibatkan bangunan komersil setinggi 9 tingkat yang akan menempatkan kedai dan lot-lot perniagaan, pasar basah, pejabat DBKL dan pejabat kesihatan yang baharu, surau serta dewan serbaguna. Bagi menambah nilai kepada program pembangunan semula ini, satu blok kediaman untuk RUMAWIP akan dibina bersebelahan dengan ketinggian 44 tingkat.

3. Projek ini akan direalisasikan oleh AlmaVentures Development Sdn Bhd. 900 unit pangsapuri berkeluasan 815 kaki persegi ini didatangkan dengan kemudahan 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi berserta satu tempat letak kereta akan ditawarkan pada harga jualan RM 298,000.00 seunit.

4. Pembinaan ini turut merangkumi kemudahan seperti tadika, gelanggang badminton dan pondok pengawal bertujuan untuk memberi keselesaan kepada para penghuni kelak. Ia juga turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas sedia ada di

sekitar lokasi tapak ini seperti sekolah, kompleks membeli belah, bank dan klinik kesihatan. Lebih menambahkan strategik lokasi tapak ini adalah ia turut dihubungkan dengan rangkaian lebuh raya seperti *Duta-Ulu Kelang Expressway* (DUKE) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2).

5. Kementerian berharap pembangunan projek ini dapat membantu merancakkan kembali urus niaga di Pasar Besar Gombak sekaligus memperbanyakkan lagi penyediaan rumah mampu milik kepada warga Wilayah Persekutuan. Projek ini pastinya dapat memberi pulangan hartanah yang tinggi kepada bakal pembeli kelak.

6. Sehingga September 2017, KWP telah berjaya melaksanakan sejumlah 70,292 unit atau 88% daripada sasaran keseluruhan 80,000 RUMAWIP menjelang 2020 merangkumi projek di bawah kategori “Siap”, “Dalam Pembinaan” dan “Kelulusan Perintah Pembangunan” atau *Development Order*.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

7 November 2017